

ELONIDE NASAL SPRAY

Mometasone Furoate (50mcg/dose)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Elonide
2. Bagaimana Elonide berfungsi
3. Sebelum mengguna Elonide
4. Cara menggunakan Elonide
5. Semasa menggunakan Elonide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Elonide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang Elonide. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang ada mengenai Elonide. Risalah ini tidak mengambil tempat atau nasihat doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda terhadap manfaat yang diharapkan daripada menggunakan ubat ini.

Simpan risalah ini dengan ubat.

Anda mungkin ingin membaca lagi.

Apakah kegunaan Elonide

Elonide disembur ke dalam hidung untuk membantu meringankan gejala yang mungkin berlaku dengan rinitis alergi atau alergi lain sepanjang tahun, termasuk hidung tersumbat, hingus hidung, hidung gatal dan bersin.

Doktor anda mungkin memberikan ubat ini untuk tujuan lain. Tanyakan doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai mengapa ubat ini telah diberikan untuk anda.

Tiada bukti bahawa ubat ini akan menyebabkan ketagihan.

Bagaimana Elonide berfungsi

Elonide mengandungi bahan aktif mometasone furoate. Ia termasuk dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali kortikosteroid, yang digunakan untuk membantu mengurangkan keradangan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengguna Elonide

Bila tidak boleh mengguna

Jangan guna ubat ini jika:

1. Anda mempunyai alahan terhadap:

- ubat yang mengandungi mometasone furoate
- salah satu bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini

2. Anda mempunyai jangkitan kulit setempat atau kerengsaan berterusan pada hidung atau tekak.

Jangan gunakan selepas tarikh luput (EXP) yang dicetak pada bungkusan atau jika bungkusan rosak atau menunjukkan tanda dibuka.

Jika anda tidak pasti adakah anda harus mula mengambil ubat ini, sila hubungi doktor anda.

Sebelum mengguna Elonide

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai keadaan perubatan, terutama keadaan berikut:

- Jika anda menghadapi tuberkulosis aktif atau tidak aktif (jangkitan bakteria terutamanya pada paru-paru).
- Jika anda menghadapi jangkitan yang tidak dirawat termasuk kulat, bakteria dan virus.

Sekiranya pernah mengambil dos yang tinggi untuk jangka masa panjang, semburan hidung kortikosteroid mungkin menyebabkan kesan sampingan seperti tumbesaran terbantut pada kanak-kanak. Ia adalah disyorkan bahawa ketinggian kanak-kanak dipantau dengan kerap.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan ubat kortikosteroid yang lain, sama ada melalui mulut, sebagai ubat titis mata, sebagai ubat sembur asma atau dengan suntikan.

Jika anda ingin tukar daripada kortikosteroid lain kepada ELONIDE Nasal Spray, anda boleh mengalami gejala sarak daripada kortikosteroid yang aktif secara sistemik (misalnya sakit sendi dan / atau otot, kelesuan, dan kemurungan pada mulanya). Anda perlu meneruskan penggunaan Elonide walaupun keadaan ini berlaku. Pertukaran sedemikian mungkin juga mendedahkan keadaan-keadaan alahan yang wujud dahulu, seperti alergi keradangan mata dan ekzema, dahulunya disekat oleh terapi kortikosteroid yang sistemik.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan terhadap:

- ubat-ubatan lain
- bahan-bahan lain, seperti makanan, pengawet atau pewarna

Kehamilan dan penyusuan.

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda sedang hamil atau berniat untuk hamil atau bercadang meysukan anak.

Doktor anda akan membincangkan kemungkinan risiko dan manfaat menggunakan ubat ini semasa kehamilan dan penyusuan badan.

ELONIDE NASAL SPRAY

Mometasone Furoate (50mcg/dose)

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang apapun yang tersebut di atas, beritahu mereka sebelum anda menggunakan ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk semua yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Elonide

Ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati dan jangan menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan.

Panduan itu mungkin berbeza daripada maklumat yang terdapat dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan, dapatkan bantuan daripada doktor atau ahli farmasi.

Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa (termasuk orang tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:

Dua semburan ke setiap lubang hidung sekali sehari.

Kanak-kanak berusia 3 hingga 11 tahun:

Satu semburan ke setiap lubang hidung sekali sehari.

Setiap semburan memberikan dos setara dengan 50 mikrogram mometasone furoate. Isipadu bekas cukup untuk memberikan semburan sebanyak 60, atau 140 seperti yang tertera di label.

Doktor anda boleh menukar dos ini, bergantung pada tindakbalas anda terhadap ubat ini.

Tentang semburan hidung anda

Semburan hidung anda mempunyai penutup debu yang melindungi muncung dan memastikan keadaan bersih. Ingat untuk membuka penutup debu ini sebelum menggunakan semburan dan menutupkannya selepas digunakan.

Jika anda belum menggunakan pam selama 14 hari atau lebih, pam satu kali, sembur ke udara sebelum menggunakannya. Muncung perlu dihalakan ke arah lain ketika melakukan ini.

Adalah penting untuk membersihkan muncung sekurang-kurangnya sekali seminggu atau sekerap yang mungkin; jika tidak, pam mungkin tidak berfungsi dengan baik.

Bagaimana untuk membersihkannya

Tanggalkan penutup debu dan tarik perlahan untuk mengeluarkan muncung. Rendam muncung dan penutup debu dalam air suam untuk beberapa minit. Bilas dengan air paip sejuk yang mengalir. Goncang atau ketuk perlahan-lahan untuk mengeluarkan air berlebihan dan biarkan kering. Pasang semula muncung. Pam perlu 'prime' seperti kali pertama digunakan sehingga boleh mengeluarkan semburan halus dan guna seperti biasa (Lihat Bagaimana untuk menggunakannya).

Bagaimana menggunakannya

1. Hembus melalui hidung anda dengan perlahan untuk membersihkan lubang hidung.
2. Goncang botol dengan perlahan-lahan.
3. Untuk penggunaan pertama, pegang botol dengan tegak dan isi pam dengan menekan muncung dan melepaskannya 5 kali, sehingga semburan halus dihasilkan.
4. Picit satu lubang hidung dengan jari. Pegang botol dengan tegak dan

masukkan muncung ke dalam lubang hidung yang lain dengan selesa. Sedut dengan perlahan-lahan melalui hidung dengan mulut tertutup sementara tekan botol sekali untuk menghasilkan satu semburan.

5. Hembus nafas keluar melalui mulut anda.
6. Ulangi langkah 4 dan 5 untuk lubang hidung yang lain.
7. Untuk individu berumur 12 tahun atau ke atas, ulangi langkah 4, 5 dan 6 sekali lagi untuk mencapai dos yang disyorkan, iaitu 2 semburan dalam setiap lubang hidung.
8. Untuk memastikan kebersihan muncung, lap dengan tisu yang bersih secara teliti selepas menggunakannya dan kembali menutup dengan penutup debu.
9. Jika semburan tidak berfungsi dan ia mungkin tersumbat, bersihkan seperti berikut. (Lihat Bagaimana untuk membersihkannya). JANGAN cuba untuk membuang sekatan atau membesarkan lubang kecil semburan dengan pin atau objek tajam yang lain kerana ini akan memusnahkan mekanisme semburan.

Bila perlu digunakan

Seperti diarah oleh doktor anda.

Jangan gunakan lebih kerap daripada diarah oleh doktor.

Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan jangka masa rawatan.

Jika terlupa menggunakan

Jika hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tersebut dan gunakan dos anda seterusnya pada masa yang ditetapkan.

Jika tidak, gunakan segera apabila anda ingat, dan kemudian kembali gunakan ubat anda seperti biasa.

ELONIDE NASAL SPRAY

Mometasone Furoate (50mcg/dose)

Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos terlupa.

Jika anda tidak pasti apa yang harus dilakukan, tanyakan kepada doktor atau ahli farmasi.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda, jika anda berfikir anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini biarpun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Simpan nombor telefon di tempat-tempat yang mudah dicapai.

Semasa menggunakan Elonide

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor jika anda hamil apabila anda menggunakan ubat ini.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan ubat ini.

Jika anda akan mula dengan ubat baru, beritahu doktor, doktor gigi atau ahli farmasi lain bahawa anda sedang menggunakan ubat ini.

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu doktor bedah atau ahli bius bahawa anda sedang menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakannya untuk merawat aduan lain kecuali doktor anda memberitahu anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini secara umumnya tidak menimbulkan masalah dengan kemampuan anda untuk memandu kereta atau mengendalikan mesin.

Jika anda mempunyai ketahanan yang rendah terhadap jangkitan, elakkan berhubung dengan sesiapa saja yang mengalami campak atau cacar air terutamanya apabila anda menggunakan ubat jenis kortisone yang lain. Beritahu doktor anda jika anda melakukannya.

Kesan-kesan sampingan

Doktor akan menentukan sama ada perubahan dalam rawatan anda diperlukan.

Ubat ini membantu kebanyakan orang, tetapi mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diinginkan pada beberapa orang.

Semua ubat boleh mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang serius, kebanyakannya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami beberapa kesan sampingan. Jika anda lebih berusia anda mungkin mempunyai peluang lebih besar untuk mendapatkan kesan sampingan.

Tanyakan kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab sebarang soalan yang anda mungkin ada.

Kebanyakan orang tidak mempunyai masalah selepas menggunakan semburan hidung. Namun, beberapa orang mungkin mendapati bahawa mereka menghadapi satu atau lebih gejala berikut:

- sakit kepala
- hidung berdarah yang teruk atau berterusan
- sakit tekak atau pedih di dalam hidung selepas menggunakan ubat ini. Gejala-gejala ini juga berlaku dengan

penggunaan semburan hidung jenis kortikosteroid.

Jika anda mengalami ruam, bunyi nafas yang berdehit atau sesak nafas, berhenti menggunakan semburan hidung, kerana anda mungkin mempunyai alahan terhadap ubat ini dan segera hubungi doktor anda.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah individu. Beritahu doktor anda jika anda mendapati sesuatu yang menjadikan anda merasa tidak sihat.

Penggunaan jangka panjang dari semburan kortikosteroid boleh dikaitkan dengan kesan sampingan yang lain seperti perubahan dinding hidung. Doktor akan memantau kesihatan anda jika anda menggunakan Elonide untuk jangka waktu yang lama.

Lanjutan kepada penggunaan kortikosteroid intranasal, kejadian seperti septum hidung berlubang (kerosakan pemisah dalam hidung yang memisahkan lubang hidung) atau peningkatan tekanan mata telah dilaporkan sangat jarang sekali.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan yang mungkin berlaku.

Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

ELONIDE NASAL SPRAY

Mometasone Furoate (50mcg/dose)

Cara penyimpanan dan pelupusan **Tarikh kemaskini RiMUP**
Elonide 08/05/2017

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Jauhi daripada kanak-kanak.
Pastikan botol dalam keadaan tegak.

Nombor Siri :

BPFK (R4/1) 150416/00111

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.
Sila dapatkan nasihat ahli farmasi
tentang cara pelupusan sebarang ubat
yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna *Elonide*

Ampaian legap sedikit likat berwarna
keputihan.

Elonide terkandung dalam botol
semburan plastik 10ml atau 20ml .

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Mometasone Furoate 50mcg/dos

Bahan-bahan tidak aktif:

Benzalkonium Chloride, Polysorbate 80,
Sodium Citrate, Citrate Acid
Anhydrous, Glycerin, Microcrystalline
Cellulose, Carboxymethylcellulose
Sodium dan Purified Water.

Nombor MAL

MAL12015004AZ

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.